

BULETIN



MPSP



Menarik di dalam :



2

Majlis Penerimaan Jawatan
Ahli Majlis-ahli Majlis Mpsp
2013



3

Majlis Perasmian Laluan
Berbasikal Taman Bandar
Ampang Jajar



8

Majlis Pelancaran Anugerah
Sekolah Hijau MPSP 2013



6

Majlis Pecah Tanah Taman
Rekreasi PBAPP Bukit D.O



12

Majlis Pelancaran Projek Bajet
Responsif Gender Fasa 4
Taman Rekreasi Pangsa PPR
Ampangan Dan Hari Keluarga
PPR Ampangan



MPSP SIDANG REDAKSI

PENAUNG
PUAN MAIMUNAH MOHD. SHARIF
(YANG DIPERTUA)

PENASIHAT
SR TUAN HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(SETIAUSAHA PERBANDARAN)

KETUA EDITOR
ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR
PUAN SALEMAH BINTI AYOB
ENCIK MOHD FARIS BIN ZAKARIA

JURUGAMBAR
ENCIK SHEIKH ZAKARIA BIN SHAIK AHMAD
ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM

*Sustainability Is
Our Commitment*

ISI KANDUNGAN

Perutusan YDP **1**

Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis-ahli Majlis MPSP 2013 **2**

Perasmian Laluan Berbasikal Taman Bandar Ampang Jajar **3**

Pelancaran Pengumpulan Peralatan Elektrik Terpakai Dan Pembungkus Polisterina **4**

Perhimpunan Korporat 2013 **5**

Majlis Pecah Tanah Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O **6**

Teleplan Funwalk & Senamrobik Bersama MPSP **7**

Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2013 **8**

Majlis Penghargaan Pesara 2013 & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 **9**

The Launch Of The "Penang Green Report Card Roadshow" **10**



4



7



5

ISI KANDUNGAN



13



14



15

Majlis Pelancaran Laman Web Baru MPSP **11**

Majlis Pelancaran Projek Bajet Responsif Gender Fasa 4 Taman Rekreasi Pangsa PPR Ampangan Dan Hari Keluarga PPR Ampangan **12**

Majlis Perasmian Projek CSR Penjagaan Sungai Junjung Mati Bersama Flextronics Technology Penang Sdn Bhd **13**

Majlis Perasmian Pembukaan Trek Jogging Baru Taman Alma Indah **14**


Majlis Cabutan Dan Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Setahun 2013 Pada Disember 2012 **15**

Operasi Penyerahan Waran Tahanan **16**

Program Qiamullail Di Langkawi Oleh Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam MPSP **17**

Pencapaian Prestasi Kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai Bagi Tahun Berkahir **18**
Pada 31 Disember 2012

Lawatan **19**



Perutusan Y.D.P.



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita bertemu sekali lagi dalam keluaran Buletin MPSP Bil 1/2013 (Januari-April) dan diharapkan seluruh warga MPSP dalam keadaan sehat sejahtera. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah atas sumbangan yang telah diberikan dalam membangunkan Majlis Perbandaran Seberang Perai khususnya seluruh kawasan Seberang Perai bagi mencapai hasrat kerajaan dalam menjadikan Pualau Pinang sebuah negeri antarabangsa.

Pada awal tahun 2013, sebanyak 7 Fokus MPSP telah dibentuk iaitu Persekitaran Bersih, Migitasi Banjir, Penyertaan dan Kesejahteraan Komuniti, Pengindahan dan Penghijauan, Penguatkuasaan Bersepadu, Pengukuhan Keupayaan Kewangan, dan Pembinaan Kapasiti. Berbekalkan 7 fokus inilah yang akan menampakkan hala tuju MPSP dalam menjalankan pentadbiran pada tahun 2013 ini.

Selama empat bulan terawal yang dilalui ditahun 2013 ini, terdapat pelbagai program telah berlangsung dengan jayanya dan dikesempatan ini saya berharap agar seluruh kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dapat memantapkan lagi mutu penyampaian tidak kira dalam apa jua bidang bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Cekap, Akautabiliti, dan Telus (CAT) serta "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang". Penyampaian yang mantap akan menjadikan MPSP sebagai "Role Model" kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain.

Akhir kata dari saya, saya menyeru agar semua kakitangan MPSP sentiasa konsisten dan berganding bahu bersama saya dalam meningkatkan imej MPSP dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang.

Sekian, Terima Kasih.

MAIMUNAH MOHD SHARIF
Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai





MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS-AHLI MAJLIS MPSP 2013 BAGI TEMPOH 6 BULAN

3 Januari 2013

Sempena tahun baru 2013, Pihak MPSP telah melangsungkan satu Majlis penerimaan Jawatan Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP 2013 bagi tempoh 6 bulan. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri 2 Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy, Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas Tuan Chow Kon Yeow, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Dato' Hj Farizan bin Darus serta ahli-ahli EXCO kerajaan negeri Pulau Pinang.

Sempena Majlis ini, Fokus MPSP 2013 dan Sistem Pemantauan Pintar (Smart Monitoring System) juga dilancarkan untuk MPSP menuju ke era Smart City. Sebanyak 7 Fokus telah dikenalpasti yang melibatkan 37 Program dan 87 Aktiviti untuk dilaksanakan dalam Tahun 2013 yang disertai dengan penetapan Key Performance Indicators (KPI) sebagai kayu pengukur prestasi setiap jabatan yang terlibat.

MPSP juga telah menubuhkan satu jabatan baru iaitu Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa selaras dengan matlamat untuk membawa MPSP ke peringkat antarabangsa. Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif di dalam ucapannya merakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli Majlis - Ahli Majlis MPSP yang dilantik dan menasihati mereka untuk bekerja dengan lebih keras dan melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT).





Majlis Perasmian **LALUAN BERBASIKAL TAMAN BANDAR AMPANG JAJAR**

20 Januari 2013

Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat, aktiviti berbasikal merupakan aktiviti yang paling sesuai dan mendapat tempat di kalangan masyarakat pada masa kini. Sehubungan dengan itu, MPSP telah mengajurkan satu majlis perasmian laluan berbasikal Taman Bandar Ampang Jajar yang telah dilangsungkan pada 20 Januari 2013 bertempat di Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh. Seramai 300 peserta telah mengambil bahagian dalam majlis tersebut.

Sempena dengan majlis perasmian ini, pelbagai aktiviti dijalankan seperti Fun Ride untuk kanak-kanak dan orang dewasa, aktiviti senamrobik, persembahan gaya berbasikal, dan cabutan bertuah untuk kanak-kanak. Selain itu, MPSP juga mengadakan pameran pendidikan mengenai MPSP.

Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif di dalam ucapan perasmianya menyeru kepada semua pengunjung dan penduduk sekitar Taman Bandar Ampang Jajar untuk bersama-sama dengan MPSP menjaga kemudahan yang disediakan dan elakkan berlaku gejala vandalisme. "Jagalah taman ini bagaimana kita menjaga taman halaman rumah kita", katanya.





Pelancaran **PENGUMPULAN PERALATAN ELEKTRIK TERPAKAI DAN PEMBUNGKUS POLISTERINA DI LOBI MPSP**

26 Januari 2013

Pada pukul 10 pagi, 26 Januari 2013 bertempat di ruang lobi MPSP telah berlangsung satu Majlis Pelancaran Pengumpulan Peralatan Elektrik Terpakai dan Pembungkus Polisterina. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif. Isu pencemaran alam sekitar seharusnya tidak boleh dipandang remeh oleh generasi pada hari ini kerana bumi yang didiami kita pada hari ini semakin tenat dengan longgokan sisa-sisa domestik, sampah sarap dan pelepasan gas hijau ke udara. Sehubungan dengan itu, pihak MPSP yang diwakili oleh Pasukan Kerja LA 21 dengan kerjasama Radio Traders Association Penang telah bersetuju bahawa semua polisterina akan dikumpul oleh pekerja kedai elektrik selepas menghantar alat elektrik ke rumah pembeli. Peralatan elektrik terpakai pula akan dibeli oleh syarikat TES-AMN yang diberi lesen oleh Jabatan Alam Sekitar untuk melupus sisa terjadual.

Program yang dilancarkan ini selaras dengan fokus MPSP 2013 iaitu persekitaran bersih dan mitigasi banjir. Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif di dalam ucapan perasmian menyeru kepada semua supaya bersama-sama berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.





PERHIMPUNAN KORPORAT

25 Februari 2013

Pada 25 Februari 2013 telah berlangsungnya Perhimpunan Korporat MPSP bagi tahun 2013 bertempat di hadapan pintu masuk lobi bangunan Ibu Pejabat MPSP. Perhimpunan ini dihadiri oleh Yang DiPertua MPSP Puan Maimunah Mohd Sharif, Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Tuan Sr Haji Rozali Bin Mohamad, Ketua-Ketua Jabatan dan para Rakan Media.

Dalam perhimpunan ini, YDP MPSP Puan Maimunah Mohd Sharif telah berkongsi maklumat kepada semua yang hadir mengenai cabaran yang bakal dihadapi oleh MPSP pada tahun 2013. Melalui bajet yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, pendapatan MPSP dianggarkan berjumlah RM 200,935,630 dan perbelanjaan berjumlah RM 211,283,844 dengan defisit RM 10,348,214. MPSP perlu merangka strategi supaya kedudukan kewangan MPSP sentiasa mampan. Jawatankuasa Peningkatan Hasil dan Pengurangan Kos yang dipengerusikan oleh Tuan Setiausaha Perbandaran telah ditubuhkan untuk tujuan meningkatkan hasil dan mengurangkan kos MPSP.

Semoga pada tahun baru 2013 ini, MPSP akan terus melakar kegemilangan sebagai salah sebuah PBT yang dihormati dan disegani di dalam sektor PBT. Puan Maimunah Mohd Sharif di dalam ucapannya berkata "Kita hendaklah menjadi penjawat Awam yang sentiasa berdisiplin dan serius dalam menjalankan tugas"



MAJLIS PECAH TANAH

TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O

11 Januari 2013

Satu majlis pecah tanah telah diadakan pada 11 Januari 2013 bertempat di Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O pada jam 9 pagi. Hadir bersama pada majlis tersebut ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri 1 Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman, Timbalan Ketua Menteri 2 Yang Berhormat Tuan Prof Dr Ramasamy A/L Palanisamy, Pegawai Kewangan Negeri, Ahli Parlimen Bukit Mertajam Yang Berhormat Puan Chong Eng, Ahli Majlis-Ahli Majlis bersama Ahli-Ahli Lembaga Pengarah PBAPP & PBAHB

Bukit D.O merupakan salah satu projek dalam program CSR MPSP bersama PBAPP. Tapak Bukit D.O telah pun diwartakan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang sebagai salah sebuah taman rekreasi dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai penyelenggara. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBA) telah bersetuju untuk menaja cadangan pengindahan Taman Rekreasi Bukit D.O ini sebagai projek CSR.

Dalam ucapan Yang DiPertua MPSP Puan Maimunah Mohd Sharif, beliau telah mengucapkan ribuan terima kasih pada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan PBAPP kerana kesudian pihak PBAPP untuk mengindahkan dan menyediakan sebuah lagi taman rekreasi untuk penduduk di sekitar Bukit Mertajam.



Majlis Pecah Tanah

TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O.

oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng,
Ketua Menteri Pulau Pinang.

11hb Januari 2013





16 March 2013

Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Teleplan Techonology Services Sdn Bhd telah menganjurkan satu program fun walk dan senamrobik bersama MPSP pada 16 Mac 2013 bertempat di perkarangan Teleplan Technology Services Sdn Bhd. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang DiPertua MPSP Puan Maimunah Mohd Sharif.

20 buah kilang, sekolah, jabatan kerajaan dan ramai individu luar yang turut serta dalam majlis ini. Majlis ini telah melibatkan kilang-kilang di kawasan Perai, pihak sekolah dan jabatan kerajaan lain. Usaha ini telah menunjukkan komitmen Teleplan dalam usaha menyedarkan tanggungjawab kesedaran sosial kepada seluruh Kawasan Perindustrian Perai.

Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif dalam ucapannya pada majlis ini meluahkan rasa bangga dan terharu diatas dedikasi Teleplan yang tidak terhenti dengan pelancaran CSR sahaja, malah usaha diteruskan dengan majlis ini yang membuktikan Teleplan bersama dengan kerajaan Pulau Pinang yang membawa motto 'Greener, Cleaner, Safer and Healthier Penang'.





MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU MPSP 2013

16 March 2013

Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Continental Automotive Components Malaysia telah mengadakan Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2013 buat kali keempat bertempat di ruang legar pusat membeli belah AEON Jusco Seberang Perai pada 16 Mac 2013. Program ini telah dirasmikan oleh Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif.

Penilaian Anugerah Sekolah Hijau merangkumi 10 kriteria iaitu: Amalan

3R, penggunaan sisa makan, penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, tanam pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah dan akitiviti lain yang kreatif dan berinovasi.

Bagi tahun ini juga, pihak MPSP telah mengadakan anugerah tambahan iaitu anugerah khas bagi amalan sisa sifar, kebersihan dan penghijauan, inovasi dan kreativiti, dan penglibatan komuniti. Anugerah untuk tahun 2013 ini juga turut disertai oleh Shence

International, Guppy Plactic Industry Bukit Tengah bersama Pihak Perbadanan Bekalan Air (PBA). Sementara itu Puan Maimunah Mohd Sharif dalam ucapan perasmianya berharap agar program ini dapat meningkatkan kesedaran dikalangan pelajar-pelajar sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.





MAJLIS PENGHARGAAN PESARA **2012** & ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG **2012**

14 March 2013

Sebagai tanda penghargaan Majlis kepada sumbangan perkhidmatan para perkerja, satu Majlis Penghargaan Pesara 2013 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 telah diadakan pada 14 Mac 2013 bertempat di Kompleks Sukan MPSP Kepala Batas. Majlis ini turut diraikan dengan kehadiran Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang Dato' Mansor bin Othman, Ahli Majlis-Ahli Majlis, Ketua ketua Jabatan, Pesara-pesara dan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan juga wakil-wakil media.

Seramai 139 pekerja telah dipilih untuk mendapat anugerah perkhidmatan cemerlang pada

tahun ini. Majlis ini juga diadakan bertujuan untuk meraikan seramai 13 orang pesara wajib, 14 orang pesara pilihan dan 9 orang wakil bagi warga Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah meninggal dunia semasa perkhidmatan, pesara yang telah berkhidmat dan berjasa kepada MPSP yang telah dan akan bersara tahun 2013 ini.

Yang DiPertua MPSP Puan Maimunah Mohd Sharif di dalam ucapannya mengucapkan syabas dan tahniah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2012. Penghargaan ini untuk menjadikan warga kerja itu sebagai contoh dan daya penarik kepada kakitangan yang

lain untuk turut sama meningkatkan taraf perkhidmatan bagi merealisasikan matlamat MPSP. Tidak dilupakan juga pada semua pesara yang telah memikul tanggungjawab semasa perkhidmatan mereka kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai.





The Launch Of The “Penang Green Report Card Roadshow”

23 March 2013

Setelah lima tahun Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah Pulau Pinang, satu majlis Pameran dan Pelancaran Prestasi Kad Hijau Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 23 Mac 2013 bertempat di Megamall Prai.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Majlis ini juga telah mendapat kerjasama penuh dari Pihak Pengurusan Megamall Prai dalam menyediakan ruang pameran berkaitan dengan prestasi kerajaan Negeri Pulau Pinang serta paparan pelbagai teknik untuk membuat proses kitar semula yang dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Di dalam ucapan perasmian oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, beliau berharap Pulau Pinang dapat menjadi negeri nombor satu di Malaysia dan juga yang pertama dalam membuat pelbagai inisiatif untuk menjadikan Pulau Pinang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.



Majlis Pelancaran Laman Web baru MPSP

28 March 2013

Selepas sesi Mesyuarat Penuh tamat pada 28 Mac 2013 yang lalu, satu Majlis Pelancaran Laman Web Baru MPSP telah diadakan bertempat di Dewan Kenanga Ibu Pejabat MPSP. Pelancaran ini telah dirasmikan oleh Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif.

Reka bentuk laman web baru ini lebih kemas dan padat dengan maklumat untuk rujukan pengunjung. Laman web baru ini dibangunkan dengan menggunakan 'Open Source Content Management System (CMS) JOOMLA' yang terkenal dengan percuma. Ini memberi lebih jaminan keselamatan terhadap laman web baru. Laman ini juga mesra OKU dimana pengunjung boleh mengubah saiz teks dan warna template. Pengunjung juga boleh membuat pilihan sehingga 9 bahasa lain. Laman web ini juga boleh dicapai dengan menggunakan telefon pintar dan versi baru ini turut dipertingkatkan dengan ciri-ciri keselamatan daripada ancaman hackers.





Majlis Pelancaran Projek Bajet Responsif Gender Fasa 4 Taman Rekreasi Pangsa PPR Ampangan dan Hari Keluarga Pangsa PPR Ampangan

7 April 2013

Satu majlis Pelancaran Projek Bajet Responsif Gender Fasa 4 Taman Rekreasi Pangsa PPR Ampangan dan Hari Keluarga Pangsa PPR Ampangan telah diadakan pada 7 April 2013 yang lalu bertempat di Taman Bandar, Ampang Jajar. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif.

Program ini adalah dua program

serentak yang telah diadakan bagi memenuhi keperluan penduduk pangsa PPR, Ampang Jajar amnya. MPSP telah merancang bagi mengaktifkan atau meremajakan Taman Bandar ini selaras dengan Fokus 2013. Majlis ini turut digabungkan dengan aktiviti Hari Keluarga Pangsa PPR Ampangan yang turut menyediakan pelbagai aktiviti riadah, permainan dan persembahan seni kebudayaan bagi

memupuk keakraban dan mempertingkatkan potensi serta bakat yang ada di kalangan penduduk Pangsa PPR Ampangan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan pada majlis tersebut.

Di dalam ucapan perasmian, Puan Maimunah menyeru kepada semua penduduk supaya menjaga kemudahan yang disediakan dan mengelakkan perlakuan vandalisme.





Majlis Perasmian

Projek CSR Penjagaan Sungai Junjung Mati Bersama Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd

12 April 2013

Pada 12 April 2013 yang lalu, pihak MPSP dengan kerjasama Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd telah mengadakan satu Majlis Perasmian Projek CSR Penjagaan Sungai Junjung Mati Bersama Flextronics Technology bertempat di Kilang Flextronics P2, Taman Perindustrian Bukit Minyak. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP, Pengurus Besar Flextronics Penang Yang Bahagia Encik Viswanathan Peramasivam dan telah dirasmikan oleh Yang DiPertua MPSP Puan Maimunah Mohd Sharif. Majlis turut dihadiri oleh para rakan media tempatan.

MPSP sentiasa mengambil pelbagai langkah dan tindakan untuk memastikan persekitaran terjaga termasuk penjagaan kebersihan dan kualiti air sungai. Pengurusan

Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. akan membersihkan dan meningkatkan kualiti air sungai ini dengan menggunakan enzim pada setiap hari untuk jangka masa yang panjang.

Selain daripada projek ini, MPSP juga berkerjasama dengan Flextronics Technology dalam anugerah Komuniti Mampan 2012-2013. Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif di dalam ucapan perasmianya berharap perhatian dan usaha Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd dalam program ini akan dicontohi oleh agensi korporat yang lain agar pemuliharaan alam sekitar khususnya sungai dapat dilaksanakan secara berterusan.





MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN Trek Jogging baru di Taman Alma Indah

21 April 2013

Pada 21 April yang lalu, pihak MPSP telah mendapat jemputan untuk bersama sama merasmikan pembukaan trek jogging baru di Taman Alma Indah. Program ini telah dirasmikan oleh Yang DiPertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif dan diraikan dengan kehadiran Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Alma Indah, Yang Berbahagia Encik Kee Swee Boon dan Ahli Jawatankuasa penduduk Taman Alma Indah.

Pembinaan trek jogging dengan konkrit bertetulang sepanjang 984 kaki dan lebar 4 kaki di sekeliling kawasan lapang menelan anggaran perbelanjaan RM24,000.00 yang ditaja oleh Persatuan Penduduk Taman Alma Indah. Mesyuarat Majlis Penuh MPSP pada 30 November 2012 telah meluluskan permohonan tersebut kerana kemudahan trek "jogging" amat bersesuaian dengan cara hidup sihat dan cergas.



Puan Maimunah Mohd Sharif dalam ucapan perasmiannya berkata, "Trek Jogging" Taman Alma Indah ini dibuat khusus untuk penduduk-penduduk di kawasan ini. Jadi amatlah penting untuk kita bersama-sama menjaga kebersihan, peralatan dan kemudahan yang disediakan agar ia kekal terpelihara seperti seadanya demi kepentingan bersama dan mengelak dari terjadinya gejala "vandalism"

Majlis Cabutan & Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah

SEMPENA PROMOSI BAYARAN CUKAI SETAHUN 2013 PADA DISEMBER 2012

Pada 26 Februari 2013 (Selasa) yang lalu, Majlis Cabutan dan Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Setahun 2013 pada Disember 2012 telah diadakan di perkarangan Lobi Ibu Pejabat MPSP. Sebelum ini, MPSP sering memberikan cenderahati dan juga mengadakan cabutan bertuah untuk pembayar cukai di seluruh Seberang Perai. Walaubagaimanapun, kedua-dua proses ini dihentikan pada tahun 2008.

Pada tahun 2009, pemberian cenderahati berbentuk kupon harian bagi tahun 2010 kepada pembayar cukai telah dimulakan kembali dan sambutan dari pembayar cukai amatlah menggalakkan. Hasil kutipan cukai dalam

bulan Disember bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM14.19 juta dan tahun 2011 adalah sebanyak RM15.05 juta.

Pada tahun 2011, MPSP telah mengadakan cabutan bertuah dan pemberian cenderahati berbentuk 'recycle shopping bag' kepada pembayar cukai yang membayar cukai setahun 2012. Hasil dari promosi ini, kutipan cukai dalam bulan Disember adalah sebanyak RM15.57 juta serta bilangan pemilik premis yang layak menyertai cabutan bertuah adalah 21,495. Seramai 36 orang telah dipilih sebagai pemenang.

Manakala pada tahun 2012, 24,348 pemilik premis layak menyertai cabutan bertuah sempena promosi bayaran

cukai setahun 2013 dengan hasil kutipan cukai dalam bulan Disember sebanyak RM20.72 juta di mana terdapat peningkatan sebanyak RM5.15 juta iaitu 33.08%. Seramai 77 orang pemenang telah dipilih di mana pelbagai hadiah-hadiah menarik disediakan antaranya ialah smartphone, Ipad, notebook serta pelbagai barangan elektrik. Melalui program ini, MPSP dapat menambahkan hasil dan mengukuhkan kedudukan kewangan. Hasil ini dapat membantu Majlis merancang untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pembayar cukai.



OPERASI PENYERAHAN WARAN TAHANAN



Operasi penyerahan waran tahanan telah bermula pada 15 April 2013 yang lalu. Operasi ini dijalankan ke atas pemilik premis yang gagal menjelaskan cukai taksiran selama setahun dan mempunyai tunggakan sebanyak RM500.00 ke atas. Operasi ini meliputi kawasan perindustrian, perniagaan dan kediaman. Sehingga 30 April 2013, MPSP telah menyerahkan waran tahanan sebanyak 1,391 kes. Setelah waran tahanan diserahkan, MPSP akan mengambil tindakan sitaan harta alih atau kes dibawa ke mahkamah jika pemilik premis masih gagal menjelaskan cukai taksiran.

Program Qiamullail di Langkawi oleh Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam MPSP



Pencapaian Prestasi

KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012

Pada tahun 2012, Majlis telah mengakhiri penutupan akaunnya dengan mencatat lebih pendapatan sebanyak rm4.15 juta. Ini adalah kali ke-lima berturut-turut MPSP mencatikan lebih pendapat. Lebih

pendapatan ini didorong oleh peningkatan hasil sebanyak rm4.92 juta iaitu 2.83% berbanding tahun 2011. Lebih pendapatan ini adalah meliputi hasil dan perbelanjaan Majlis seperti di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Keterangan	2012 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Hasil	178.57	173.65
Perbelanjaan	174.42	160.06
Lebihan	4.15	13.59

Prestasi pendapatan adalah terdiri daripada hasil cukai di mana terdapat peningkatan sebanyak RM4.76 juta iaitu 3.75% berbanding tahun 2011. Manakala hasil bukan cukai terdapat penurunan sebanyak RM1.23 juta iaitu 3.21%

berbanding tahun 2011. Terimaan bukan hasil pula terdapat peningkatan sebanyak RM1.39 juta iaitu 16.61% berbanding tahun 2011. Ringkasan prestasi pendapatan adalah seperti di Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Keterangan	2012 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Hasil Cukai	131.74	126.98
Hasil Bukan Cukai	37.07	38.30
Terimaan Bukan Hasil	9.76	8.37
Jumlah Pendapatan	178.57	173.65

Perbelanjaan Majlis meningkat sebanyak 8.97% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 dari RM160.06 juta kepada RM174.42 juta dengan perbezaan sebanyak RM14.36 juta. Peningkatan perbelanjaan ini adalah pada kadar yang terkawal. ini adalah disebabkan terdapat

tambahan aktiviti dan program Majlis yang telah dirancang di dalam Fokus 2012 dan kenaikan di dalam kos-kos penyelenggaraan di kawasan Seberang Perai. Ringkasan perbelanjaan Majlis adalah seperti di Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Keterangan	2012 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Emolumen	63.15	55.55
Perkhidmatan dan Bekalan	90.81	81.90
Pembangunan & Harta Modal	3.11	1.79
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	0.83	2.18
Perbelanjaan Lain	16.52	18.64
Jumlah Perbelanjaan	174.42	160.06

Di samping itu, tunggakan cukai taksiran terkumpul juga mencatatkan penurunan sebanyak RM6.89 juta iaitu 20.08% daripada RM34.32 juta pada tahun 2011 kepada RM27.43 juta pada tahun 2012. Ini adalah hasil daripada program-program yang telah dijalankan iaitu klinik pembayar cukai, pelantikan 'Pasukan Khas untuk Mengutip Tunggakan Cukai', serahan kes kepada 'Pemungut Hurang Profesional' dan panel peguam seta penguatkuasaan secara berhemas dengan membuat serahan waran tahanan dan lain-lain.

Kedudukan wang tunai Majlis juga meningkat sebanyak RM41.45 juta iaitu 38.81% daripada RM106.80 juta pada tahun 2011 kepada RM148.25 juta pada tahun 2012. Ini

adalah hasil daripada promosi cabutan bertuah yang dijalankan pada bulan Disember 2012 agar pembayar cukai membayar cukai taksiran awal dari tempoh yang ditetapkan.

Dengan pencapaian prestasi kewangan yang memberangsangkan pada penutupan akaun berakhir pada 31 Disember 2012 ini, Majlis akan terus merancang untuk kesejahteraan dan kemakmuran Seberang Perai selaras dengan Fokus MPSP iaitu "Sustainability is Our Commitment". Semoga Majlis akan dapat terus meningkatkan prestasi kewangan dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seberang Perai.

Lawatan



Lawatan Dari Korea



Lawatan Dari Vietnam



Lawatan Dari
Universiti Pertahanan Nasional



Lawatan Dari
Universiti Hong Kong



Lawatan Ahli Majlis MBPJ



Lawatan Dari
Majlis Perbandaran
Kuala Terengganu